



Pengangguran turun pacu semula pasaran hartanah

Program vaksinasi dijangka bawa kesan positif dalam sektor pekerjaan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Jangkaan penurunan kadar pengangguran berikutan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dijangka merancakkan semula pasaran hartanah.

Pengurus Besar iProperty.com.my, Shylendra Nathan, berkata pelaksanaan PICK dijangka memberi kesan positif kepada sektor pekerjaan, sekali gus

membolehkan pembeli rumah meraih aliran pendapatan tetap untuk memiliki rumah.

"Pada masa ini, pasaran hartanah mendapat suntikan daripada kadar faedah yang rendah, pemberian tunai oleh kerajaan menerusi inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"Kami juga yakin Kempen Pemilikan Rumah (HOC) juga akan membantu pembeli rumah dan menyumbang ke arah penurunan lebih penawaran hartanah," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Nathan berkata, pengumuman pelaksanaan

Transit Aliran Massa 3 (MRT3), Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Sistem Transit Rapid (RTS) dijangka mencipta lebih banyak peluang pekerjaan baharu.



Shylendra Nathan

"Kita juga akan menyaksikan manfaat di sekitar kawasan projek infrastruktur ini akan memberi kesan positif kepada pasaran hartanah," katanya.

Sementara itu, beliau menjelaskan, kadar pengangguran yang tinggi disebabkan oleh COVID-19 mempengaruhi permintaan hartanah memandang rakyat Malaysia mengutamakan keperluan dan perkhidmatan penting.

"Trend urus niaga lebih rendah yang dicatatkan sepanjang

tahun lalu tidak menghairankan kerana aktiviti ekonomi negara terjejas oleh pandemik.

"Laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) mengenai aktiviti pasaran hartanah 2020 di Malaysia adalah selaras dengan kajian iProperty.com.my dalam Analisis Permintaan Portal 2020 yang dibentangkan pada Januari lalu, di mana permintaan harta tanah kediaman sekunder nasional dicatatkan pada -1.3 peratus," katanya.

Baru-baru ini, NAPIC melaporkan sektor harta tanah mencatat 295,968 transaksi bernilai RM119.06 bilion pada 2020, menyusut 9.9 peratus dalam jumlah dan susut 15.8 peratus dari segi nilainya berbanding 2019.

Sementara itu, pasaran harta tanah kediaman menyaksikan penurunan nilai -8.6 peratus dan penurunan jumlah -9.0 peratus.